



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Jerat tanpa pukau  
Publication/Portal: Utusan Malaysia  
Date: 12 October 2020

Language: Malay  
Section: Dalam Negeri  
Page: 1

Sindiket Macau Scam guna sistem VOIP

# Jerat tanpa pukau

Oleh **NURAINA HANIS**  
**ABD. HALIM**  
hanis.halim@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Tiada pukau dalam teknik menjerat mangsa Macau Scam. Hanya menggunakan sistem suara melalui protokol internet (VOIP), sindiket Macau Scam dapat memperdaya ribuan mangsa termasuk golongan profesional bukan sahaja di Malaysia malah di luar negara.

Sebelum ini, ramai berangapan golongan profesional termasuk pensyarah, doktor, peguam, malah unit beruniform sendiri tertipu dengan Macau Scam akibat daripada unsur pukau, sebaliknya, ia hanya dipengaruhi dengan satu sistem suara sahaja.

Menurut sumber, sistem VOIP ini diwujudkan sindiket untuk membuat panggilan menerusi internet tanpa menggunakan telefon malah boleh menggunakan nombor sesiapa sahaja serta mengubah suara.

Kata sumber, VOIP memerlukan jaringan internet yang tinggi kerana proses itu berlaku sangat cepat dan pantas.

“Sistem ini mempunyai beberapa proses sebelum sindiket menghubungi mangsa. Tanpa menggunakan telefon, sindiket mampu meyakinkan mangsa sehingga mereka terpedaya. Jadi tidak hairanlah kalau golongan profesional turut tertipu.

**Bersambung di muka 2**

## Jerat tanpa pukau

**Dari muka 1**

“Penggunaan sistem berteknologi tinggi ini juga menyukarkan pihak berkuasa untuk mengesan sindiket. Jadi tidak wujud teknik pukau atau berunsur mistik dalam kegiatan ini,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Dalam pada itu, menurut sumber, sindiket yang berangkaian ini terdiri daripada empat lapisan iaitu perancang utama, pemanggil, pengumpul

akaun serta pengumpul wang.

Jelas sumber, perancang utama berperanan untuk melatih ahli sindiket dari pelbagai negara untuk menjalankan penipuan malah individu ini yang akan menyimpan wang hasil daripada Macau Scam.

Ujarnya, pemanggil merupakan individu yang akan menghubungi mangsa dengan pelbagai modus operandi digunakan mereka dan kumpulan ini akan ditempatkan di sebuah tempat atau *call centre*

seperti di banglo, premis kedai serta kondominium untuk melakukan penipuan.

“Pengumpul akaun pula bertanggungjawab mengiklankan untuk mencari ‘kambing hitam’ yang diarahkan untuk membuka akaun menyimpan sementara wang mangsa manakala pengumpul wang akan membuat transaksi lain serta meletakkan wang mangsa ke pelbagai akaun bagi mengelak dikesan pihak berkuasa,” katanya.